

# SIMBOL DAN KEPERCAYAAN KINOMOL DALAM RITUAL ETNIK RUNGUS

## SYMBOLS AND BELIEFS OF KINOMOL IN RUNGUS ETHNIC RITUALS

Azmil bin Dani<sup>1</sup>

Esterlina Moo Chin Len binti Lazarus<sup>2\*</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF),  
Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

[esterlina@ums.edu.my](mailto:esterlina@ums.edu.my)\*

Received: 07 Oct 2024 | Revised: 15 Oct 2024  
Accepted: 04 Nov 2024 / Published: 30 Nov 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.vi.5796>

---

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik fungsi, kegunaan, dan simbol tradisional *Kinomol* dalam upacara ritual tradisi etnik Rungus khususnya ritual *mamapak* yang diadakan di daerah Pitas. *Kinomol* dikenali sebagai *tapai* dandihidangkan selepas *bobolizan* selesai *monguhok* (mantera/jampi/aji). *Kinomol* merupakan minuman tradisional etnik Rungus yang memabukkan kerana *kinomol* dihasilkan melalui proses penapaian beras yang diperam dalam tempoh yang lama. Etnik Rungus menggunakan *kinomol* sebagai salah satu bahan sajian dalam upacara ritual *mamapak*. Hal ini dikatakan demikian kerana sejajar dengan kepercayaan spiritual serta amalan turun-temurun nenek moyang mereka yang dipegang teguh. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis hubungan antara *kinomol* dengan kepercayaan dan adat resam etnik Rungus khususnya semasa pelaksanaan ritual *mamapak*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data seperti melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis sumber sekunder. Data yang diperolehi akan digunakan untuk memahami hubungkait *kinomol* dengan kepercayaan etnik Rungus dalam kehidupan mereka. Hasil kajian ini juga dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan *kinomol* dalam kehidupan etnik Rungus. Kajian ini akan menjadi salah satu usaha berbentuk dokumentasi yang akan memelihara identiti serta memberi gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana tradisi dan budaya ini berinteraksi dengan perubahan zaman warisan budaya etnik Rungus di Sabah.

**Kata kunci:** Simbol, *kinomol*, ritual *mamapak*, kepercayaan, Rungus.

### ABSTRACT

This study aims to research the functions, uses, and traditional symbols of *kinomol* in ritual ceremonies of the Rungus ethnic tradition, especially the rituals of *mamapak* held in Pitas district. *Kinomol*, known as distill, was served after *Bobolizan*'s move (mantra, spell, or ji). *Kinomol* is a traditional Rungus ethnic drink that is intoxicating because it is produced through the fermentation process of rice that is fermented for a long time. Ethnic Rungus use *kinomol* as one of the ingredients served in ritual ceremonies. This is said to be so because it is in line with the spiritual beliefs and practices of their ancestors, which are firmly held. Therefore, this study will analyze the relationship between *kinomol* and the beliefs and customs of the Rungus

ethnic group, especially during the implementation of rituals like mamapak. This study uses a qualitative approach to collect data, such as through interviews, observations, and secondary source analysis. The data obtained will be used to understand the relationship between kinomol and Rungus ethnic beliefs in their lives. The results of this study can also provide a deeper understanding of the role of kinomol in the life of the Rungus ethnic group. This study will be one of the efforts in the form of documentation that will preserve identity and give a clearer picture of how this tradition and culture interact with the changing times of Rungus ethnic cultural heritage in Sabah.

**Keywords:** Symbol, kinomol, mamapak ritual, belief, ethnic Rungus.

## PENGENALAN

Etnik Rungus merupakan salah satu kumpulan etnik yang terdapat di Malaysia, khususnya di negeri Sabah. Etnik Rungus merupakan etnik yang tergolong dalam rumpun etnik Kadazandusun. Etnik Rungus juga merupakan penduduk bumiputera yang tergolong dalam kategori Anak Negeri Sabah. Etnik Rungus biasanya tinggal di utara Sabah iaitu di daerah Kudat, Kota Marudu dan daerah Pitas. Low Kok On (2014: 74) menyatakan bahawa etnik Rungus majoritinya tinggal di daerah Kudat, daerah kota Marudu dan daerah Pitas dan salah satu etnik Kadazan Dusun yang tersenarai dalam Perlembangan Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat persamaan dari segi bahasa, budaya dan kepercayaan yang jelas antara etnik Rungus dengan etnik Kadazandusun lain di negeri Sabah. Namun begitu, etnik Rungus tidak gemar dengan panggilan atau istilah yang membawa kepada kumpulan dalam etnik Kadazandusun, mereka sebenarnya lebih dikenali dalam istilah *Momogun*.

Etnik Rungus merupakan masyarakat asli Sabah dan dikenali sebagai *Momogun* Rungus. Hal ini dikatakan demikian kerana etnik Rungus mempunyai khazanahnya tersendiri seperti etnik lain. Oleh hal yang demikian, etnik Rungus hanya mahu dikenali sebagai *Momogun* Rungus. Victor B. Pangayan (2020: 138) menyatakan bahawa etnik Rungus seperti etnik peribumi Sabah yang lain, etnik Rungus mempunyai khazanah budaya dan keseniannya yang berbeza dengan etnik lain dan masih terpelihara sehingga kini. Joisin Romut (2013: 3) menyatakan bahawa etnik Rungus yang dikenali sebagai *Momogun Rungus* kerana istilah ini merupakan satu istilah yang sangat istimewa dan mempunyai ciri klasik serta berstatus purba dan merupakan ciri semula jadi di Borneo bagi etnik Rungus. Appell (1963: 9-10) menjelaskan perbezaan etnik Rungus dengan etnik lain di Sabah, mereka lebih suka dikenali sebagai *Momogun*. Istilah *Momogun* merujuk kepada satu kelompok manusia yang tinggal di utara Pulau Borneo atau negeri Sabah.

Bahasa dan dialek etnik Rungus juga mempunyai perbezaan dengan etnik Kadazandusun. Hal ini dikatakan demikian kerana suku kaum *Momogun* Rungus mempunyai tiga dialek dan mempunyai empat bahasa *Momogun* Rungus. Appell (1963; 1965; 1966; 1967 dan 1968) mengkategorikan bahawa kaum *Momogun* Rungus secara tidak langsung dari aspek bahasa sebagai *The Rungus Dusun*, iaitu *Nulluw (nulu)*, *Gonsomon*, dan *Rungus*. Hal ini disebabkan bahasa Dusun Rungus tidak sama dengan bahasa Dusun lain. Manakala, Menurut Paul Porodong (2012: 111) menyatakan bahawa bahasa *Momogun* termasuk *Rungus*, *Gonsomon*, *Nulluw*, *Gandahon* dan *Pillapazan*. Walaupun terdapat perbezaan dialek, namun dari aspek adat istiadat dan elemen-elemen kebudayaan yang lain tiada atau hampir tiada perbezaan.

Etnik Rungus juga menjalankan aktiviti sosioekonomi secara tradisi, seperti tinggal di rumah panjang, dan menjalankan pertanian seperti menanam padi, menoreh getah, pengusaha sawit, mengusaha kelapa dan lain-lain. Padi merupakan kegiatan ekonomi tradisional yang

utama dalam kalangan etnik Rungus. Tambahan pula, menanam jagung juga menjadi sumber makanan selain padi, Namun begitu, sosioekonomi etnik Rungus telah mengalami perubahan. Joisin Romut (2013: 14) menjelaskan bahawa aktiviti sosioekonomi etnik Rungus telah mengalami perubahan ketara sejak tahun 1990-an berikutan kewujudan peluang baru untuk mempertingkatkan taraf sosioekonomi mereka. Oleh itu, mereka tidak lagi bergantung kepada sosioekonomi tradisional yang diamalkan oleh nenek moyang mereka.

## **SISTEM KEPERCAYAAN ETNIK RUNGUS**

Sebelum kedatangan mubaligh Kristian sekitar tahun 1950-an, etnik Rungus telah berpegang teguh kepada kepercayaan tradisional atau animisme. Etnik Rungus telah menganut agama nenek moyang mereka iaitu kepercayaan animisme sejak turun –temurun. Kepercayaan animisme adalah sebuah kepercayaan yang menjurus kepada amalan-amalan tradisi yang berkait rapat dengan alam semesta. Joisin Romut, Denis J. Sading & Flora Iban (2013: 68) menjelaskan bahawa pada zaman dahulu, etnik Rungus berpegang kepada kepercayaan animisme. Hal ini disebabkan oleh pandangan dunia dan kepercayaan mereka diwarnai oleh kepercayaan animisme yang menjurus kepada amalan-amalan tradisi yang mereka amalkan. Menurut Kamus Dewan (1992), animisme adalah segala benda (pokok, batu, angin, dan lain-lain,) mempunyai semangat (roh).

Kepercayaan tradisional yang telah diamalkan oleh etnik Rungus yang diamalkan oleh nenek moyang mereka telah memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian mereka. Kepercayaan yang mereka amalkan itu telah menjadi satu bentuk kawalan sosial dan budaya yang menjadi asas terpenting dalam pembentukan sistem adat dan pantang larang mereka. Azmil Dani & Esterlina (2023: 471), menjelaskan bahawa etnik Rungus memiliki kepercayaan tradisional dan kepercayaan mereka banyak dipengaruhi oleh alam semula jadi dan persekitaran di sekeliling mereka. Etnik Rungus percaya bahawa kehidupan nenek moyang mereka sangat terikat dengan adat dan pantang larang dengan hukum alam semesta. Menurut Appell (1986), menjelaskan bahawa kepercayaan etnik Rungus adalah salah satu kepercayaan yang memastikan etnik Rungus dapat berhubung dengan alam semesta dan sesama anggota masyarakatnya sekaligus kepercayaan ini membawa mereka lebih memelihara tingkah laku dan moral di tahap yang paling tinggi. Etnik Rungus percaya bahawa kepercayaan tradisional yang mereka amalkan adalah satu amalan budaya mereka yang sangat luar biasa kerana kepercayaan tradisional membawa kepada ketenangan dan keharmonian hidup mereka bersama alam sekeliling. Menurut Paul Porodong (2001, 2010), menyatakan bahawa etnik Rungus mempercayai bahawa alam semesta terbahagi kepada dua iaitu alam manusia dan alam *supernatural*. Tambahan lagi, Paul Porodong menjelaskan bahawa alam manusia ialah kehidupan dalam dunia fizikal iaitu persekitaran fizikal yang menjadi asas kehidupan manusia seperti tanah, air, udara, rumah, tanaman, hutan, haiwan, serangga, ladang dan sebagainya. Manakala, alam *supernatural* pula ialah alam yang dikuasai oleh kuasa-kuasa *supernatural* yang terdiri daripada osundu (kuasa baik), dan *rogon* (kuasa jahat).

Etnik Rungus pada asasnya mengamalkan kepercayaan tradisi yang diamalkan oleh nenek moyang mereka secara turun-temurun. Setiap amalan yang diamalkan oleh etnik Rungus primitif sangat berhubung kait dengan upacara ritual. Ritual yang mereka amalkan berbentuk seperti penyembahan atau bukan berbentuk penyembahan terhadap alam ghaib. Menurut Raymond Majumah (2015: 127) menjelaskan tentang animisme dan hal-hal ghaib dalam kepercayaan tradisi etnik Rungus primitif ini amat berkait rapat hubungannya dengan upacara ritual yang berbentuk penyembahan. Tambahan lagi, setiap upacara ritual yang dijalankan akan diiringi dengan sebuah persembahan dan persembahan tersebut harus diletakkan di tempat-tempat khas dan tempat tersebut dipercayai mempunyai penghuni atau berpenunggu. Berpenunggu membawa maksud tempat tersebut didiami oleh makhluk halus seperti batu besar, gunung, bukit, pokok-pokok besar dan juga di dalam kediaman mereka.

Menurut Esterlina & Mohd Kipli (2022: 2) menyatakan bahawa pelbagai amalan dan kepercayaan tradisi yang dimiliki oleh etnik Rungus sebelum kedatangan mubaligh Kristian sekitar tahun 1950-an. Tambahan lagi, kepercayaan tradisi yang dimiliki oleh etnik Rungus telah diwarisi secara turun-temurun sebelum kedatangan pihak Syarikat Berpiagam Borneo (SBUB) yang mula mentadbir Sabah pada akhir kurun ke-19. Namun begitu, setelah kedatangan mubaligh Kristian dan penyebaran agama Islam sekitar akhir kurun ke-19, sistem kepercayaan etnik Rungus telah mengalami transisi kehidupan terutama dalam sistem kepercayaan mereka. Setelah kedatangan agama Kristian dan Islam, mereka yang tidak menganut kedua agama tersebut, mereka telah diistilahkan mempercayai kepercayaan *labus*. Tambahan lagi, Esterlina & Mohd Kipli (2022: 3) menjelaskan bahawa kepercayaan *labus* satu-satunya agama yang dianuti oleh etnik Rungus sebelum kedatangan agama Kristian dan Islam.

Etnik Rungus secara tradisinya menyambut pelbagai jenis upacara dan perayaan sebelum kedatangan mubaligh Kristian dan amalan tersebut diwarisi secara turun-temurun. Upacara tersebut menjadi satu amalan penting dalam kehidupan seharian etnik Rungus. Setiap perayaan atau upacara yang diamalkan oleh etnik Rungus biasanya melibatkan ritual yang khusus dan menggunakan bahan-bahan ritual seperti alat musik tradisional, tarian *mongigol sumundai* dan lain-lain.

Sebelum kedatangan mubaligh kristian, etnik Rungus sangat berpegang teguh dengan kepercayaan yang dianut oleh nenek moyang mereka dan kepercayaan itu dikenali sebagai animisme atau sebagai kepercayaan *labus*. Hal dikatakan demikian kerana, kepercayaan *labus* ialah sebuah kepercayaan yang mempercayai kewujudan alam ghaib. Kepercayaan ghaib yang etnik Rungus amalkan telah mempengaruhi amalan hidup mereka seharian. Kenyataan ini disokong oleh Esterlina & Mohd Kipli (2021: 43) bahawa etnik Rungus mempercayai alam ghaib yang membawa kepada kepercayaan *labus* dalam kalangan etnik Rungus kerana mereka percaya kewujudan alam ghaib yang mempengaruhi amalan hidup mereka seharian.

Setiap tahun etnik Rungus juga turut merayakan percayaan tradisi mereka iaitu perayaan *magahau* yang disambut oleh etnik Rungus secara besar-besaran sebelum 1990-an. Ini kerana sosioekonomi etnik Rungus telah mengalami perubahan yang ketara dalam kalangan etnik Rungus itu sendiri. Faktor perayaan *Magahau* tidak lagi dilakukan kerana banyak amalan tradisi tidak diamalkan atau tidak diteruskan kerana tidak bersesuaian dengan transisi kehidupan semasa etnik Rungus. Setelah menerima pengaruh agama Kristian dan Islam, etnik Rungus semakin kurang mengamalkan kepercayaan dan amalan nenek moyang mereka. Oleh itu, etnik Rungus semakin yakin dan percaya terhadap agama yang mereka anut berbanding kepercayaan nenek moyang mereka. Mohd Nazmi Mohd Khalil et al (2023) menyatakan bahawa amalan terhadap kepercayaan tradisional masyarakat Rungus semakin berkurang dalam kalangan masyarakat Rungus dari semasa ke semasa. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat Rungus telah memeluk agama Islam dan Kristian. Tambahan lagi, kedua-dua agama tersebut bercanggah dengan kepercayaan tradisional yang diamalkan oleh etnik Rungus. Kesannya telah berlaku penolakan terhadap kepercayaan tradisional nenek moyang mereka.

## **KINOMOL DALAM UPACARA RITUAL ETNIK RUNGUS**

Etnik Rungus juga sama seperti etnik lain di negeri Sabah yang kaya kepelbagaian budaya dan amalan yang diamalkan sekian lamanya sejak turun-temurun. Upacara ritual *mamapak* merupakan upacara yang diamalkan oleh etnik Rungus. Dalam upacara ritual *mamapak*, *kinomol* digunakan sebagai bahan sajian ritual. Upacara yang diamalkan oleh etnik Rungus ini telah diamalkan sebelum kedatangan mubaligh Kristian dan penyebaran agama Islam dalam kalangan etnik Rungus. Joisin Romut et al (2013: 137) menyatakan bahawa etnik Rungus mempunyai beberapa perayaan yang masih dilakukan sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, biasanya perayaan-perayaan tersebut dirayakan mengikut jadual yang sudah

ditetapkan. Sebagai contoh, Pesta *Magahau* yang kini telah menjadi perayaan komuniti setelah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan disenaraikan dalam kalendar Pelancongan Negeri Sabah. Di sini kita boleh lihat, perayaan atau amalan etnik Rungus yang dahulunya merupakan satu amalan tradisi, kini telah berubah menjadi satu perayaan yang dirayakan oleh komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana, beberapa perayaan atau amalan yang diamalkan sejak turun-temurun tidak lagi dirayakan sepenuhnya mengikut adat, hal ini kerana transisi kehidupan etnik Rungus telah mempengaruhi amalan seharian mereka.

Dalam konteks ritual etnik Rungus, *kinomol* memainkan peranan yang sangat penting dalam amalan seharian dan merupakan simbol kepercayaan bagi etnik Rungus. *Kinomol* adalah bahan ritual yang diperbuat daripada beras yang diperam dalam beberapa tempoh masa tertentu dan menjadi bahan yang sering digunakan dalam pelbagai upacara tradisional etnik Rungus. Menurut Mitchell et al (2004) menyatakan bahawa *tuak* sebagai nasi yang diperbuat daripada proses penapaian pulut. Manakala, menurut Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1999) menjelaskan bahawa *tuak* sebagai jenis minuman masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak yang memabukkan. Selain itu, *tuak* juga boleh dihasilkan melalui tapai pulut dan tapai ubi kayu dan merupakan bahan utama ritual dan hari besar seperti perayaan tahunan masyarakat Iban, Melanau, Dayak dan seumpamanya.

Dalam konteks *kinomol* etnik Rungus pula, *kinomol* ialah minuman tradisi etnik Rungus yang memabukan dan menjadi salah satu bahan ritual yang perlu disediakan sebelum ritual atau upacara dijalankan, *kinomol* menjadi bahan sajian ritual kerana *kinomol* merupakan salah satu bahan penyembahan kepada nenek moyang dan cara etnik Rungus menghormati roh nenek moyang mereka. *Kinomol* akan dihidangkan setelah *bobolizan* selesai *monguhok* (*mantera, jampi*). *Kinomol* mempunyai nilai spiritual dan simbolik tertentu bagi etnik Rungus. Etnik Rungus menganggap *kinomol* sebagai alat medium untuk berhubung dengan dunia roh dan nenek moyang mereka. Etnik Rungus mempercayai bahawa *kinomol* mempunyai kepentingan dalam kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kepentingan *kinomol* terletak pada fungsinya yang menjadi penyambung kepada dunia nyata dengan hubungan spiritual yang lebih tinggi. Oleh itu, *kinomol* menjadi asas kepada keyakinan etnik Rungus bahawa upacara ritual mempunyai kekuatan.

Esterlina & Muhammad Fazli (2023: 140) menyatakan bahawa terdapat pelbagai jenis upacara ritual yang diwarisi oleh etnik Rungus daripada generasi sebelumnya, dan dikategorikan mengikut keperluan pelaksanaannya. Etnik Rungus mempunyai beberapa ritual yang masih dirayakan hingga ke hari ini. Namun begitu, ritual etnik Rungus boleh dibahagi beberapa kategori. Kenyataan diatas disokong oleh Esterlina & Muhammad Fazli (2023: 140) bahawa ritual etnik Rungus boleh dibahagi kepada tiga kategori iaitu ritual kecil, ritual sederhana dan ritual besar. Cara pelaksanaan ketiga-tiga ritual pula boleh dibezakan mengikut cara pelaksanaan dan bergantung kepada sajian persembahan ritual tersebut.

Beberapa upacara yang disambut oleh etnik Rungus bagi mengadakan sesi meminum *kinomol*, biasanya dalam upacara ritual *Moginum*, ritual *Mongukas* atau *Lumuvass*. Ritual *Mongukas* atau *Lumuvass* adalah satu upacara ritual yang dilakukan oleh etnik Rungus untuk memperingati dan menghormati seseorang yang telah meninggal dunia. Menurut Joisin Romut et al (2013: 70) menyatakan bahawa ritual *Mongukas* atau *Lumuvass* merupakan satu majlis memperingati seseorang yang sudah meninggal dunia yang biasanya dibuat serentak dengan pesta *Magahau*. Wala bagaimanapun, penulisan ini hanya memfokuskan kepada ritual *Mongukas* atau *Lumuvass* yang dijalankan semasa upacara ritual *mamapak* oleh etnik Rungus yang masih menganut agama *labus* di daerah Pitas.

## SIMBOLISME *KINOMOL* DALAM UPACARA RITUAL *MAMAPAK* ETNIK RUNGUS

Ritual *mamapak* merupakan salah satu ritual yang masih lagi diamalkan oleh etnik Rungus di Sabah. Ritual *mamapak* merupakan salah satu ritual yang menggunakan *kinomol* sebagai bahan sajian ritual. Esterlina & Muhammad Fazli (2023: 141) menjelaskan bahawa ritual *mamapak* adalah satu bentuk upacara yang dilakukan oleh etnik Rungus dan upacara tersebut hanya boleh dilakukan di sebuah tempat yang disebut sebagai *pinapakan*. *Pinapakan* ialah tempat khas yang dibina untuk melakukan ritual *mamapak*. Ritual *mamapak* mempunyai dua jenis pelaksanaannya iaitu *papak tavasi* dan *papak taraat*. Menurut Esterlina & Muhammad Fazli (2023: 141) menyatakan bahawa ritual *mamapak* terbahagi kepada dua cara pelaksanaannya iaitu ritual *mamapak* yang dengan berkait dengan kematian akan melibatkan ritual *papak taraat* dan *papak tavasi* adalah untuk *Bambarazon* iaitu memanggil semangat padi.

### Penggunaan *Kinomol*

Dalam penulisan ini, pengkaji memfokuskan penggunaan *kinomol* dalam ritual *mamapak* jenis *papak lumuvas* etnik Rungus yang masih menganut kepercayaan *Labus* di daerah Pitas. *Papak taraat* yang dilakukan oleh ahli keluarga di mati di daerah Pitas melibatkan ritual kematian iaitu *lumuvass* atau *mongukas*. Ritual *lumuvass* atau *mongukas* membawa maksud membebaskan ahli keluarga daripada hubungan dengan si mati. Menurut Esterlina & Muhammad Fazli (2023: 141) menyatakan bahawa *papak taraat* adalah ritual yang melibatkan *rogon* yang berkaitan dengan kematian iaitu pelaksanaan ritual *mongukas* atau *lumuvass*.

Semasa ritual *mamapak* dilakukan, ahli keluarga akan menziarahi si mati di tanah perkuburan terlebih dahulu. Sebelum ritual atau menziarahi si mati dilakukan, ahli keluarga akan melantik seorang ketua, untuk mengetuai rombongan ke tanah perkuburan. Seseorang yang dilantik sebagai ketua itu mestilah dalam kalangan ahli keluarga. Seseorang yang dilantik untuk mengetuai rombongan ke tanah perkuburan mestilah yang berumur dan mempunyai ilmu dalam hal-hal berkaitan dengan adat kematian. Ahli juga keluarga akan membawa bersama *runggou* (tempayan) yang berisi *kinomol* sebagai *tulidan* (si mati) yang dikhaskan untuk melakukan ritual *lumuvass* atau *mongukas* semasa di tanah perkuburan. Ahli keluarga yang lain juga turut membawa bersama mereka *kinomol* untuk diminum setelah ritual selesai dilakukan. Acara minum *kinomol* akan dilakukan setelah selesainya upacara ritual, ketua rombongan yang dilantik akan meminum *kinomol* terlebih dahulu dan kemudian diikuti oleh ahli keluarga si mati sehingga habis. Menurut Esterlina (2024), menjelaskan bahawa *tulidan* ialah sebuah proses penyediaan *tapai nasi* yang menghasilkan *kinomol* (arak) yang disediakan khas untuk si mati, lalu di isi di dalam *runggou* (tempayan) dan akan di bawa ke tempat ritual untuk diminum bersama yang didahului oleh *bobolizan* dan kemudian diikuti oleh ahli keluarga yang hadir sehingga habis.

Setelah upacara ritual *lumuvass* atau *mongukas* dilakukan di tanah perkuburan, ahli keluarga akan meneruskan upacara membuka *dompihot* oleh ahli keluarga si mati. Upacara membuka *dompihot* dilakukan di rumah ahli keluarga si mati. Esterlina & Muhammad Fazli (2023: 144) menjelaskan bahawa *dompihot* ialah perbuatan membungkus pakaian si mati. Tambahan lagi, upacara *dompihot* dilakukan sebagai tanda bahawa keluarga tersebut sedang berkabung atas kematian ahli keluarga. Ritual *mamapak* yang dilakukan oleh ahli akan berakhir dengan mengakhiri upacara *dompihot* dengan cara memberikan *kinomol* kepada setiap ahli keluarga dan meminum *kinomol* sehingga habis. Setelah selesai minum *kinomol*, ahli keluarga akan bergegas ke tapak ritual yang dipanggil *pinapakan* untuk meneruskan upacara ritual *mamapak*.

Setelah upacara ritual *lumuvass* atau *mongukas* dan upacara *dompihot* dilakukan, ahli keluarga akan meneruskan dengan upacara ritual *mamapak* yang melibatkan *papak taraat*. Upacara ritual *mamapak* akan dilakukan di sebuah ruang yang dipanggil *pinapakan*. Ritual

tersebut dikendalikan oleh *bobolizan* Rungus. *Bobolizan* akan memulakan ritual dan ahli keluarga si mati akan berdiri bersama dalam *pinapakan* semasa upacara ritual dilakukan. Bahan sajian utama yang penting semasa ritual *mamapak* dilakukan ialah *kinomol*. *Kinomol* yang diisi di dalam tempayan akan dihabiskan oleh ahli keluarga kemudian tempayan bekas *kinomol* harus dipecahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana tempayan bekas *kinomol* yang dipecahkan itu menandakan bahawa majlis telah selesai dan ikatan antara si mati dan ahli keluarga telah terputus.



**Gambar 1:** Ahli keluarga menziarahi tanah perkuburan  
Sumber: Azmil bin Dani



**Gambar 2:** *Kinomol* dalam tempayan  
Sumber: Azmil bin Dani





**Gambar 3:** Tempayan bekas *kinomol* dipecahkan  
Sumber: Azmil bin Dani

## KESIMPULAN

Etnik Rungus mempunyai pelbagai upacara ritual yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Upacara ritual yang diwarisi itu memainkan peranan penting dalam memelihara dan meneruskan warisan budaya mereka. Namun begitu, kepercayaan dan amalan etnik Rungus telah berubah setelah kedatangan mubaligh Kristian sekitar tahun 1990-an dan penyebaran agama Islam dalam kalangan etnik Rungus. Etnik Rungus kaya dengan bahan ritual yang telah dipercayai dari nenek moyang mereka. Salah satu bahan ritual mempunyai ikatan dengan spiritual yang dipercayai oleh etnik Rungus ialah *kinomol*.

*Kinomol* adalah salah satu bahan utama penting dalam setiap ritual yang diamalkan oleh etnik Rungus. *Kinomol* mempunyai peranan dan simbolik terhadap etnik Rungus pada zaman sebelum kedatangan agama Kristian dan Islam. Namun begitu, setelah transisi kehidupan etnik Rungus berubah, kepercayaan mereka terhadap bahan ritual seperti *kinomol* juga berubah. Perubahan sosioekonomi etnik Rungus juga telah mempengaruhi kepercayaan dan amalan mereka. Signifikan terhadap *kinomol* etnik Rungus mempunyai perbezaan pada masa dahulu dan masa kini. Pada masa dahulu, *kinomol* mempunyai peranan dan ikatan dengan kuasa spiritual, namun pada masa kini, peranan *kinomol* dalam etnik Rungus sudah berubah. *Kinomol* hanyalah minuman yang memabukkan dan *kinomol* hanya menjadi bahan tambahan yang memeriahkan sebuah majlis serta menjadi medium mengukuhkan hubungan ikatan sesama komuniti.

Secara keseluruhan, *kinomol* dalam upacara ritual etnik Rungus bukan sahaja mempertahankan identiti budaya tetapi juga mengukuhkan nilai-nilai sosial dan spiritual yang penting bagi kehidupan komuniti etnik Rungus.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan dan penyelidikan ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental, kod KPT FRGS/1/2022/SSI06/UMS/03/1, Project ID: 21244 (Penerokaan Simbol dan Fungsi Liminaliti Ritual Mamapak Etnik Rungus untuk Kelestarian Warisan Budaya Tempatan). Kami juga ingin



mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Appell, G. N. 1963. Myths and legends about the Rungus of the Kudat district. The Sabah Society Journal 4: 9–15.
- Appell, G.N. (1965). *The nature of social groupings among the Rungus Dusun of Sabah, Malaysia. Thesis Ph.D (Unpublished dissertation).The Australian National University, Canberra, Australia..*
- Appell, G.N (1966). Residence and ties of kinship in a cognatic society: The Rungus Dusun of Sabah, Malaysia. Southwestern Journal of Anthropology, 22(3), 280–30.
- Appell, G. N. (1967). *Observational procedures for identifying kindreds: Social isolates among the Rungus of Borneo. Southwestern journal of anthropology, 23(2), 192-207.*
- Appell, G. N., (1968). The Dusun Languages of Northern Borneo: The Rungus Dusun and Related Problems" dim. Oceanic Linguistics VII: 1, 1968
- Appell, G.N. (1986). Social anthropological research among the Rungus Dusun. A talk for the Sabah Society. 1-36.
- Azmi Dani & Esterlina Moo Chin Len Lazarus (2023). Kepercayaan Tradisional Etnik Rungus di Sabah: Satu Kajian Awal. E-Prosiding. Persidangan Antarabangsa Akademi Seni dan Teknologi Kreatif 2023 (PASTIK 2023). Akademik Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Esterlina Moo Chin Len Lazarus. (2024). Kerangka Liminaliti ke atas Pesta Magahau di dalam Masyarakat Etnik Rungus di Sabah. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Esterlina Moo Chin Len Lazarus & Muhammad Fazli Taib bin Saerani. (2023). Konsep Dan Struktur Persembahan Dalam Ritual Mamapak Etnik Rungus Di `Sabah. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 13(2). Universiti Malaysia Sabah.
- Esterlina Moo Chin Len Lazarus & Mohd Kipli Abdul Rahman (2022). Magahau Rungus: Dari Upacara Ritual Ke Pesta Keramaian: *Magahau Rungus: From Ritual Ceremonies to Pesta Keramaian. Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 12(2).
- Joisin Romut, Denis J. Sading, & Flora Iban. (2013). Inventori Budaya Etnik Rungus Sabah. Etnik Momogun Rungus. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Low Kok On & Abdullah, A. S., & Majumah, R. (2014). Bbahul dan Hubungannya dengan Kepercayaan Bbiruhui Etnik Rungus di Sabah. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 21(1).
- Mitchell, C. L. (2004). *The Encyclopaedia of Iban Studies: Iban History, Society, and Culture. Edited by Vinson Sutlive and Joanne Sutlive. 4 vols. Kuching, Mal.: Tun Jugsh Foundation in cooperation with the Borneo Research Council, 2001. xxiv, 2,783 pp. \$300.00 (leather). The Journal of Asian Studies*, 63(1), 260-262.
- Mohd Nazmi Mohd Kipli, Romzi Ationg, & Suraya Sintang. (2023). Islam dan Perubahan Sosial dalam Masyarakat Rungus di Matunggong, Sabah. Kajian Malaysia.*Journal of Malaysia Studies*.

- Paul Porodong, Kntayya Mariappan. (2012). Murut & Pelbagai Etnik Kecil di Sabah. Universiti Malaysia Sabah. Kuala Lumpur.
- Porodong, P. (2001). *"Bobolizan, Forests and Gender relations in Sabah Malaysia"*. *Gender, Technology and Development* 5(1):63-90.
- Porodong, P. (2010a). *An Exploration of Changing households subsistence strategies among contemporary Rungus farmers. A thesis submitted to University of Kent for the Degree of Doctor of Philosophy in Environmental Anthropology*.
- Porodong, P (2010b). "Adat dan ritual kematian suku kaum Rungus di Kudat". Dlm. Saidatul Nornis Mahati (ed) Adat dan Ritual Kematian di Sabah. Penerbit UMS, Kota Kinabalu, Sabah. hlm. 135-154.
- Raymond Majumah. (2015). Rungus Peribumi Momogun Sabah. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Hlm 127.
- Victor B. Pangayan. (2020). Tarian Mongigol-Sumundai Momogun Rungus Di Sabah: Analisis Konsep Persembahan Dan Ragam Gerak. Universiti Sains Malaysia (USM).

### **INFORMAN**

1. Encik Jailin bin Bujang, Kampung Narandang Laut, Pitas 2023
2. Encik Razif bin Somuil, Kampung Narandang Laut, Pitas, 2023